

**Soalan-Soalan Lazim**  
**SPP Bil. 2 Tahun 2013 : Perubahan Fi Perkhidmatan Bagi Perolehan**  
**Kerajaan Melalui Sistem ePerolehan (eP)**

S1.

Bagaimanakah pembekal mendapat maklumat awal mengenai kenaikan fi perkhidmatan?

Fi perkhidmatan terkandung di dalam terma dan syarat pendaftaran pembekal/syarikat dengan Kementerian Kewangan, Pesanan Kerajaan dan Dokumen Kontrak.

~~~~~

S2.

Pihak manakah yang perlu menanggung fi perkhidmatan?

Fi perkhidmatan ini ditanggung oleh pembekal dan amaunnya dipotong daripada nilai setiap transaksi sepertimana dijelaskan dalam Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 2 Tahun 2013 (SPP 2/2013).

~~~~~

S3.

Apakah perbezaan kenaikan fi perkhidmatan 0.8% dan 0.4%.

Fi perkhidmatan 0.8% dikenakan untuk perolehan atau kontrak yang melibatkan hanya sekali bayaran (*one-time payment*). Manakala fi perkhidmatan 0.4% dikenakan bagi kontrak yang melibatkan beberapa kali pembayaran (*multiple payment*).

~~~~~

S4.

Apakah had maksimum dalam kenaikan fi perkhidmatan?

Untuk kadar fi perkhidmatan sebanyak 0.8%, had maksimumnya adalah RM9,600 bagi setiap transaksi yang bernilai RM1.2 juta atau lebih. Manakala untuk kadar fi perkhidmatan sebanyak 0.4%, had maksimumnya adalah RM4,800 bagi setiap transaksi bayaran yang bernilai RM1.2 juta atau lebih.

~~~~~

S5.

Bilakah kadar fi perkhidmatan 0.4% berkuat kuasa?

Kadar fi perkhidmatan 0.4% berkuatkuasa mulai 18 Januari 2013. Semua perolehan baru yang diiklankan selepas tarikh ini hendaklah menyatakan kadar fi perkhidmatan dalam dokumen Sebutharga/ Tender/ eBidding.

~~~~~

S6.

Bagaimana dengan kontrak yang sedang berkuat kuasa?

Bagi kontrak yang sedang berkuat kuasa, kadar fi perkhidmatan adalah seperti yang dinyatakan dalam Dokumen Kontrak sedia ada. Sekiranya terdapat lanjutan tempoh kontrak atau tambahan nilai kontrak yang melibatkan beberapa kali pembayaran, Agensi hendaklah memasukkan syarat pengurangan fi perkhidmatan kepada 0.4% dalam perjanjian tambahan kontrak.

~~~~~

S7.

Adakah contoh klausa yang boleh digunakan oleh Agensi untuk dimasukkan ke dalam Surat Setuju Terima, Dokumen Kontrak dan Dokumen Kontrak Tambahan?

Lampiran 1 kepada SPP 2/2013 memberikan contoh klausa seperti berikut:

Setiap transaksi bagi kontrak yang melibatkan hanya sekali bayaran (*one-time payment*) melalui sistem ePerolehan akan dikenakan fi perkhidmatan pada kadar sebanyak kosong persepuluh lapan peratus (0.8%) dengan had maksimum RM9,600 bagi transaksi yang bernilai RM1.2 juta atau lebih;

Atau

Setiap transaksi bagi kontrak yang melibatkan beberapa kali pembayaran (*multiple payment*) melalui sistem ePerolehan akan dikenakan fi perkhidmatan sebanyak kosong persepuluh empat peratus (0.4%) dengan had maksimum RM4,800 bagi pesanan bernilai RM1.2 juta atau lebih;

~~~~~

S8.

Apakah elemen-elemen bayaran balik yang perlu diambilkira dalam pengiraan fi perkhidmatan?

Agensi hendaklah mengambil kira elemen bayaran balik wang pendahuluan, royalti, potongan penalti atau denda sebelum membuat pembayaran kepada pembekal. Fi perkhidmatan akan dikenakan ke atas nilai invois selepas ditolak amaun bayaran balik pendahuluan, terimaan royalti dan potongan penalti atau denda.

~~~~~

S9.

Adakah urusan yang dikecualikan daripada dikenakan fi perkhidmatan?

Pengecualian daripada fi perkhidmatan adalah diberikan kepada perkara berikut:

- (a) Urusniaga melibatkan Jabatan Kerajaan yang bertindak sebagai pembekal kepada Jabatan Kerajaan yang lain (G-to-G) seperti di Lampiran 2 kepada SPP 2/2013.
- (b) Urusniaga yang diberi pengecualian oleh Kementerian Kewangan.

~~~~~

S10.

Bagaimanakah cara pelaksanaan transaksi fi perkhidmatan 0.4% melalui Sistem ePerolehan kerana pada masa ini fi perkhidmatan adalah telah ditetapkan (default) sebanyak 0.8% di dalam sistem ePerolehan.

Dalam SPP 2/2013 para 6, bagi kontrak bermasa sedia ada, kadar fi perkhidmatan di dalam sistem eP adalah seperti yang telah dinyatakan di dalam Dokumen Kontrak sedia ada. Ini merujuk kepada fi perkhidmatan 0.8%. Oleh itu fi perkhidmatan 0.4% tidak terpakai pada kontrak sedia ada.

Bagi kontrak bermasa yang baru di mana tarikh iklan sebutharga, tender atau e-bidding tersebut adalah pada atau selepas tarikh kuatkuasa SPP 2/2013 tersebut, sistem eP akan menetapkan fi perkhidmatan kepada 0.4% bagi setiap transaksi.

Bagi kontrak yang sedang berkuat kuasa, kadar fi perkhidmatan adalah seperti yang dinyatakan dalam Dokumen Kontrak sedia ada. Sekiranya terdapat lanjutan tempoh kontrak atau tambahan nilai kontrak yang melibatkan beberapa kali pembayaran, Agensi hendaklah memasukkan syarat pengurangan fi perkhidmatan kepada 0.4% dalam perjanjian tambahan kontrak, Pentadbir Kontrak perlu membuat penyelenggaraan kontrak dengan mengemaskini medan Kuat Kuasa Fi Perkhidmatan 0.4% yang disediakan di Seksyen 'Perincian Kontrak'. Pentadbir Kontrak juga perlu memasukkan tarikh kuat kuasa fi perkhidmatan 0.4% di medan ini. Pengiraan fi 0.4% akan dikenakan ke atas Invois yang dikeluarkan bermula pada tarikh kuat kuasa fi perkhidmatan 0.4% yang dikunci masuk oleh Pentadbir Kontrak semasa membuat penyelenggaraan kontrak tersebut.

~~~~~

S11.

Adakah fi perkhidmatan dikenakan berdasarkan nilai kontrak sesuatu perolehan?

Merujuk kepada para 4(b), SPP 2/2013, fi perkhidmatan 0.4% dikenakan kepada pembekal berdasarkan nilai bagi setiap transaksi bayaran yang dibuat bukannya berdasarkan nilai kontrak. Fi yang dikenakan adalah terhad dengan jumlah maksimum RM4,800 bagi bayaran yang bernilai RM1.2 juta atau lebih. Berikut adalah contoh kenaan fi perkhidmatan 0.4% seperti jadual di bawah:-

BIL	NILAI KONTRAK	JUMLAH BAYARAN KEPADA PEMBEKAL	JUMLAH FI DIKENAKAN KEPADA PEMBEKAL
1.	RM 2 juta	RM1 juta	RM1 juta x 0.4% = RM4,000.
2.	RM2 juta	RM1.2 juta	RM4,800 sahaja
3.	RM2 juta	RM 1.5 juta	RM4,800 sahaja

~~~~~